

30 JAN 1996

Mahathir - Multimedia (Bergambar)

UNDANG-NDANG MUNGKIN DIGUBAL KAWAL TEKNOLOGI MAKLUMAT

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Kerajaan mungkin memperkenalkan undang-undang baru bagi mengawal pertumbuhan teknologi maklumat (IT) dan penggunaan multimedia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC), berkata "undang-undang berkaian" perlu digubal bagi mengawal industri maklumat yang mengalami pertumbuhan pesat.

Ketika berucap pada sesi soal jawab selepas pelancaran "Multimedia Malaysia '96" di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, Dr Mahathir berkata perkara ini diputuskan pada mesyuarat NITC sebelumnya di PWTC.

Katanya, mesyuarat berkisar kepada Multimedia Super Koridor Malaysia (MSC), yang mencakupi Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Perbadanan multimedia dunia akan dipelawa menempatkan unit perniagaan dan kemudahan penyelidikan dan pembangunan di pusat MSC untuk dijadikan landasan bagi memenuhi pasaran serantau dan dunia untuk produk dan perkhidmatan multimedia.

MSC akan menjadi pusat bagi produk tercanggih dalam bidang seperti teleservices dan sistem perbankan Islam.

Dr Mahathir berkata NITC juga membincangkan implikasi komputer terhadap masyarakat dan penggunaannya serta peranan Internet dan banyak perkara lain yang masih baru kepada kita.

Ketika menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata beliau berpendapat pelaksanaan MSC tidak akan menghadapi masalah seperti defisit imbalan pembayaran.

Katanya, MSC akan menjadi sebahagian daripada pembangunan Putrajaya, KLCC dan KLIA.

"Kita sedang berusaha untuk menyesuaikan kemudahan fizikal dan konsepnya serta bagaimana firma asing boleh menyertainya, kata beliau. Beliau juga berkata pembangunan MSC mungkin memerlukan khidmat pakara sing.

Mengenai sama ada kerajaan bercadang untuk memperkenalkan insentif baru bagi menarik pelaburan dalam sektor multimedia, Dr Mahathir berkata ia berupa insentif biasa seperti dinikmati oleh sektor lain.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata Malaysia mahu memajukan Teknologi Maklumatnya bukan sahaja untuk negara ini tetapi juga untuk seluruh dunia.

"Kita merancang untuk melaksanakan beberapa projek membabitkan penggunaan multimedia," tambah beliau.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. -- BERNAMA